

**DAP: PR akan lawan GST, kerajaan minoriti BN tidak layak dikenakan cukai terhadap majoriti**  
**Malaysian Insider**  
**Mei 22,2013**

KUALA LUMPUR, 22 Mei — Pakatan Rakyat (PR) akan menentang cadangan untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta mengingatkan Barisan Nasional (BN) kerajaan minoriti tidak layak mengenakan cukai terhadap majoriti rakyat, kata DAP.

Menurut Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, pengumuman oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Idris Jala baru-baru ini kerajaan pusat akan menjana pendapatan RM27 bilion setahun dengan kadar GST 7 peratus, membongkarkan satu penipuan besar BN kepada rakyat.

“PR akan lawan cadangan cukai GST 7 peratus ini di Parlimen dengan mengingatkan BN bahawa sebagai sebuah kerajaan minoriti dengan undi popular 47 peratus sahaja, ia tidak berhak mengenakan cukai GST ini ke atas majoriti rakyat,” kata Lim dalam satu kenyataan hari ini.

“Cukai GST 7 peratus ini akan menaikkan kadar inflasi tetapi impak paling buruk adalah kepada golongan berpendapatan rendah kerana cukai GST merangkumi semua barangan yang dibeli dan dijual,” tambah beliau lagi.

Ahli Parlimen Bagan itu turut mengatakan, Pakatan Rakyat (PR) menolak cukai penggunaan atau “consumption tax” kerana majoriti rakyat belum lagi mempunyai pendapatan munasabah untuk mampu menjalani kehidupan yang bermaruah dan mapan.

“Macam mana boleh hidup lebih bermaruah bila hanya 60 peratus dari isirumah mempunyai pendapatan kurang dari RM3,000 sebulan?”

“Menurut Laporan Tahunan Bank Negara 2012, Malaysia merupakan negara yang banyak berhutang dengan hutang peribadi setiap keluarga adalah RM 755 billion atau 81 peratus GDP (Gross Domestic Product),” katanya.

Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang itu (gambar), BN boleh memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebanyak RM1,200 setahun kerana dapat mengutip semula RM,5000 dari setiap keluarga setiap tahun melalui GST yang akan diperkenalkan tidak lama lagi.

“Dengan kos tambahan ke atas rakyat Malaysia sebanyak RM27 bilion setahun, maka setiap rakyat Malaysia tanpa kira dewasa atau kanak-kanak akan dibebankan sebanyak RM1,000 seorang setiap setahun,” katanya.

Menurut Lim lagi, ini menyebabkan sebuah keluarga lima orang terpaksa membayar RM5,000 setahun dan menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mampu memberikan bantuan BR1M RM1,200 seperti yang beliau janjikan semasa kempen Pilihan Raya 2013 lalu.

Menurut Lim, pertumbuhan hutang keluarga adalah 11 peratus, lebih tinggi daripada pertumbuhan GDP sebanyak 7.8 peratus. Selain itu rakyat berhutang tidak boleh dipersalahkan apabila kerajaan Malaysia berhutang sehingga RM502 bilion pada akhir 2012,

hampir 55 peratus daripada GDP.

Disamping itu menurutnya keluarga Malaysia menggunakan 50 peratus daripada pendapatan untuk membayar balik hutang.

Isnin lalu, ahli Parlimen Kelana Jaya dari PKR Wong Chen mengatakan pengenalan GST hanya akan menekan kumpulan majoriti rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah berbanding kumpulan minoriti orang kaya.

Beliau yang juga merupakan Biro Perdagangan dan Pelaburan PKR menegaskan, BN seharusnya menghapuskan projek mega yang tidak bermanfaat dan menangani rasuah dengan serius bagi menangani "krisis kewangan" sebelum memperkenalkan GST.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-pr-akan-lawan-gst-kerajaan-minoriti-bn-tidak-layak-kenakan-cukai-terhadap-majority/>